

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MUADZAM SHAH
(UniSHAMS)**

PERASMIAN WEBINAR PENGASAHAAN KEPIMPINAN

15 FEBRUARI 2021/ ISNIN

BILIK SENAT, ARAS 2, BANGUNAN CANSELORI

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum wrt. wbt.

Terima kasih diucapkan kepada Pengurus majlis

Yang dihormati **Tuan Haji Mohd Fahmi b Sheikh Omar**, Pendaftar UniSHAMS

Yang berbahagia **Prof Dato' Dr. Noor Inayah Binti Ya'akob**, Rektor Kolej Profesional Baitulmal selaku penceramah jemputan

Dekan-dekan, Ketua Kulliyyah/Pusat/Bahagian, pegawai-pegawai UniSHAMS

seterusnya, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah Subhanawataala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama dalam Sesi Webinar Pengasahan Kepimpinan pada tahun 2021. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kerana dapat meluangkan masa untuk menyertai sesi webinar ini.

2.UniSHAMS telah mengambil langkah proaktif dalam menjana modal insan yang berkualiti. Justeru itu, melalui program dan webinar seperti inilah, pihak pengurusan tertinggi berharap semua pegawai UniSHAMS tanpa mengira pangkat dapat membangunkan modal insan yang holistik.

3. Pada kesempatan ini, suka saya mengaikan program kita ini dengan kepimpinan menurut Islam:

a. TERDAPAT beberapa istilah yang menggambarkan konsep pemimpin dan kepimpinan dalam al-Quran dan juga hadis Rasulullah S.A.W.; antaranya istilah khalifah, imam atau imamah atau aimmah. Istilah khalifah ditujukan kepada manusia yang dijadikan oleh Allah S.W.T. untuk memikul tanggungjawab di muka bumi ini seperti

► وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

firman-Nya yang bermaksud: "Ingartlah kepada Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." (Al-Baqarah, ayat 30)

b. Sebagai khalifah di muka bumi, manusia terikat dengan tiga bentuk hubungan.

- i. Pertama, hubungan menegak, iaitu hubungan manusia dengan Allah S.W.T. Dalam hubungan ini manusia menerima pimpinan Ilahi serta tunduk dan patuh kepada segala perintah Allah dalam melaksanakan amanah-Nya.
- ii. Kedua, hubungan dalaman, iaitu hubungan manusia dengan diri sendiri. Di tahap ini manusia menggunakan ilmu naqliyah (ilmu agama) untuk mengembangkan ilmu aqliyyah yang mengandungi tanda-tanda kewujudan dan kebesaran Allah di dalam alam (ayatullah fi'l-kaun).
- iii. Ketiga, hubungan melintang, iaitu hubungan antara manusia dengan manusia dan dengan makhluk lain seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan seumpamanya. Di tahap ini, kepimpinan manusia dilaksanakan, diminta pertanggungjawaban dan dinilai. Pengetahuan manusia tentang diri sendiri, alam sekitar, sejarah dan masyarakat, semuanya mesti diarah untuk meningkatkan iman dan amal soleh serta membantu manusia menjalankan hubungan menegak, hubungan dalaman dan hubungan melintang dengan sempurna.

Istilah imam, immamah dan aimmah pula disebut dalam ayat 124, Surah al-Baqarah; ayat 5, Surah al-Qasas; ayat 24, Surah as-Sajdah; dan ayat 74, Surah al-Furqan. Dalam Surah Al-Baqarah, ayat 124, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud: "....Aku akan jadikan engkau wahai Ibrahim, imam yakni ketua bagi sekelian manusia" Seterusnya dalam ayat 5, Surah al-Qasas, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud: "Dan Kami hendak menumpahkan budi atas mereka yang ditindas di bumi itu, dan Kami hendak jadikan mereka pemimpin-pemimpin; dan Kami hendak jadikan mereka mewarisi bumi."

Akhir kalam, jadilah seorang insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Saya percaya bahawa program seperti ini sedikit sebanyak dapat menambah input kepimpinan dalam diri seorang pegawai di UniSHAMS untuk bertindak lebih realistic dan membuat keputusan yang bijak.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini saya merasmikan **Webinar Pengasahan Kepimpinan UniSHAMS 2021.**

Sekian Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.